

July 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

76th ISSUE

info kampus

UiTM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9 772232 157005

KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI NEGARA (KPTN) 2018

Oleh: Jacinta Yeo Jiin Yih

Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2018 telah diadakan di MYDIN Petra Jaya, Kuching pada 7 hingga 8 April 2018. Ia telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi, Dato Sri Michael Manyin anak Jawong. Acara perasmian *Signature Programme* KPT di zon Sarawak itu turut disaksikan oleh Ketua Setiausaha Pengurusan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Dato Kamel Mohamad; Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi; Timbalan-timbalan Naib Canselor, Dekan-dekan, Pengarah-pengarah UNIMAS dan pegawai-pegawai KPT.



Karnival ini diadakan untuk mendedahkan kepada orang ramai tentang maklumat terperinci berkaitan program pengajian yang ditawarkan oleh universiti awam, kolej komuniti, Politeknik dan ILKA. Seramai 48,851 pengunjung telah menghadiri KPTN 2018.

Source: <http://www.news.unimas.my/in-the-news/eventdetail/4460/-/kptn-zon-sarawak-berjaya-tarik-48851-pengunjung>

PROGRAM COUNSELLING FOR ACADEMIC SUCCESS (C4AS)

Oleh: Faizul Bin Adenan



Program *Counselling for Academic Success (C4AS)* anjuran Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK) UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah dijalankan selama tiga siri pada semester ini, iaitu pada 12, 21 dan 26 Mac 2018. Unit Kerjaya dan Kaunseling telah menjemput Encik Ahmad Faisal Mahdi, Ustaz Ahmad Tirmizi Kram dan Cik Nurul Ain sebagai penceramah pada slot yang berlainan. Tajuk ceramah lebih berkisar kepada nikmat hidup dalam kehidupan seorang manusia, dan bagaimana manusia menggunakan nikmat yang ada untuk memajukan diri sendiri. Program C4AS ini dijalankan bagi membantu pelajar-pelajar yang mendapat CGPA di bawah 2.50 pada semester berkenaan dalam usaha meningkatkan motivasi belajar di kalangan pelajar tersebut. Seramai 70 orang pelajar telah mengikuti program ini.

Bengkel Pemerkasaan Jawatankuasa Penduduk (JKP)

Oleh: Faizul Bin Adenan

Pada 18 hingga 19 Januari 2018 telah berlangsung Bengkel Pemerkasaan Jawatankuasa Penduduk (JKP) anjuran Majlis Daerah Dalat dan Mukah (MKKM) di Kingwood Resort, Mukah. Lebih dari 50 orang perwakilan yang merangkumi jawatankuasa kampung sekitar Mukah, Dalat dan Balingian telah turut serta dalam bengkel ini. Encik Faizul Bin Adenan (Pegawai Psikologi) UiTM Sarawak Kampus Mukah telah dijemput untuk menjadi Fasilitator atau Pemudahcara sepanjang dua hari program berlangsung. Selain itu, Fasilitator jemputan dari Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) turut sama-sama berkongsi maklumat dan cara terbaik perlaksanaan di Kawasan Kuching. Pelbagai cadangan dan idea telah dikemukakan. Pembentangan hasil perbincangan turut dijalankan bagi membuat penambahbaikan sebelum idea tersebut dilaksanakan di kawasan masing-masing.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications and International Relations Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110
E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**